



MPC(PCD)100-14/1/18

28 Januari 2021

Ir. Dr. Mohd Farid Bin Aladdin
16-08-05 Sri Mahligai Kondominium
Jalan Tengku Ampuan Rahimah 9/20
40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Ir. Dr.

PERLANTIKAN SEBAGAI TENAGA PAKAR UNTUK PROJEK PENAMBAHBAIKAN KAWALSELIA PERATURAN PERNIAGAAN KLINIK PERUBATAN SWASTA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBrs. Ir. Dr., Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) merupakan badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan menjalankan Projek Penambahbaikan Kawalselia Peraturan Perniagaan Klinik Perubatan Swasta.

3. Objektif projek ini adalah untuk mengenalpasti dan menambahbaik ketelusan peraturan dan prosedur permohonan bagi meningkatkan kecekapan kawalselia berkaitan pelesenan perniagaan menjalankan perniagaan klinik perubatan swasta. Sehubungan itu, bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar dan jayanya, MPC ingin melantik YBrs. Ir. Dr. sebagai tenaga pakar bagi menjalankan inisiatif ini. Bersama-sama ini juga disertakan Surat Setuju Terima (Lampiran 1) dan Terma Rujukan (Lampiran 2) untuk rujukan. Mohon kerjasama pihak YBrs. Ir. Dr. untuk mengembalikan Surat Setuju Terima yang telah lengkap diisi kepada pihak kami bagi pengesahan penerimaan perlantikan sebelum 5 Februari 2021.

4. Segala sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan inisiatif ini amat dihargai dan didahului ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan program boleh hubungi En Ahmad Harris Abdullah di talian 012-3155978 atau e-mel harris@mpc.gov.my.

Sekian, terima kasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in dark ink, appearing to read 'Ahmad', with a horizontal line underneath it.

(MOHAMAD AZROL MOHAMAD DALI)

Timbalan Pengarah

Bahagian Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing

b.p Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)